


Kata Nafi

- Kata nafi ialah kata yang digunakan untuk **menafikan** atau **menidakkan** sesuatu.
- Terdapat dua bentuk kata nafi, iaitu **tidak** dan **bukan**.
- Contoh: Saya **tidak** datang ke sekolah semalam.

i-THINK



- Kata nafi **bukan** dapat digunakan sebelum frasa kerja dan frasa adjektif jika kedua-dua frasa tersebut membawa maksud **pertentangan maklumat**.
- Contoh: Murid itu **bukan** sombong tetapi dia pemalu.

✓ Sistem Bahasa: Bahagian A

Pilih ayat yang betul.

- | | |
|---|---|
| <p>1. A Danial tidak lemah dalam pelajaran tetapi dia malas belajar.
B "Ibu saya bukan bekerja hari ini," kata Sutinah.
C Telefon bimbit itu tidak buatan Jepun tetapi buatan Malaysia.
D Hazlin bukan mahu mengikut kakaknya ke majlis itu.</p> <p>2. A Saya tidak ketua pasukan ragbi sekolah ini lagi.
B Ayah bukan memarahi kami tanpa alasan yang kukuh.
C Beliau bukan tetamu kehormat yang kita tunggu-tunggu itu.
D Kami bukan tahu apa-apa yang berlaku semalam.</p> | <p>3. A Mangkuk antik ini tidak untuk perhiasan.
B Kita bukan digalakkan bermain-main semasa banjir kerana dikhuatiri akan lemas.
C Berita yang kamu dengar selama ini bukan benar.
D Rumah Kak Fatimah tidak besar tetapi cantik.</p> <p>4. A Suara Zaihani bukan semerdu suara adiknya.
B Puan Orked tidak pernah bersikap pilih kasih terhadap anak-anaknya.
C Farah bukan suka makan gulai ikan tempoyak.
D Dia bukan sepatutnya memarahi budak itu di hadapan orang ramai.</p> |
|---|---|